



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	27/8/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	-		

# Permintaan tinggi punca haiwan eksotik diseludup

**Rantau Panjang:** Permintaan tinggi terhadap haiwan eksotik dan peliharaan antara faktor mendorong penyeludupan haiwan berkenaan di sempadan negara, di sini.

Pegawai Pemerintah Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA8), Superintendent Mat Shukor Yusof, berkata pihaknya mengesan kekerapan penyeludupan haiwan itu menerusi beberapa tangkapan yang dibuat dalam tempoh pandemik COVID-19.

Katanya, haiwan dibawa masuk dari Thailand kerana harga ditawarkan negara berkenaan lebih murah berbanding pasaran tempatan.

"Rampasan terbaru pada 18 Ogos lalu apabila PGA8 menum-

paskan cubaan menyeludup 19 anak anjing bernilai RM66,000 di Pos Pok Teh Kana, Jeram Perdah di sini.

"Berdasarkan setiap kes, didapati semua haiwan yang diseludup bukan hanya untuk pasaran Kelantan, tetapi negeri luar juga," katanya.

Bercakap pada sidang media di Markas Taktikal Briged Tenggara PGA di Lubok Stoi, di sini semalam, beliau berkata, pihaknya turut menumpaskan cubaan menyeludup kuda ketika mengambil alih tugas Ops Benteng COVID-19 bermula 16 Ogos lalu.

Sebelum ini, media melaporkan sejumlah haiwan eksotik seperti labi-labi, anak ular dan burung kakak tua bernilai

RM67,600 ditinggalkan penyeludup di tebing Sungai Golok dekat pangkalan haram Bilah Dolah, di sini.

Mat Shukor turut berkongsi kejayaan PGA8 menumpaskan 25 kes penyeludupan dalam tempoh 10 hari dengan nilai rampasan lebih RM1.2 juta, membabitkan lebih RM698,000 rampasan barangan seperti bongkah kayu sarang kelulut, karkas babi hutan, cecair vape, beras dan dadah, manakala RM526,000 lagi kenderaan disita.

Dalam pada itu, beliau berkata, sempadan Malaysia-Thailand yang dikawal pihaknya ketika ini 'tenang' dengan aktiviti penyeludupan yang semakin perlahan.



Mat Shukor menunjukkan gambar kuda yang dirampas di sebuah pangkalan haram di Pengkalan Kubor, Tumpat. (Foto Syaherah Mustafa/BH)